



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN EKONOMI

ANGGARAN AWALAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MALAYSIA SUKU KETIGA TAHUN 2023

1. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kementerian Ekonomi telah mengambil insiatif untuk menambah baik penerbitan data dengan menerbitkan anggaran awal KDNK suku tahunan. Ini adalah selaras dengan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara maju seperti Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura dan United Kingdom. Penerbitan anggaran awalan ini bagi menentukan prestasi semasa ekonomi.
2. Berdasarkan anggaran awal KDNK bagi suku ketiga tahun 2023 (S3 2023), ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana pada kadar 3.3% (S2 2023: 2.9%). Anggaran prestasi mengikut sektor menunjukkan pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan dan pembinaan dengan aktiviti pelancongan menunjukkan pemulihan dan kemajuan pelaburan dan pelaksanaan projek infrastruktur utama seperti ECRL, LRT 3 dan MyDIGITAL 5G. Anggaran awal KDNK menunjukkan kesan permintaan global yang lemah dalam tempoh tersebut, terutamanya eksport pembuatan, khususnya dalam segmen E&E dan segmen berkaitan industri primer.
3. Berdasarkan prestasi semasa ekonomi dunia dan pencapaian separuh pertama tahun ini, ekonomi Malaysia dianggar berkembang pada kadar 4.0% pada tahun 2023. Anggaran yang dibentang dalam Belanjawan 2024 ini telah mengambil kira jangkaan pertumbuhan S3 2023 yang dalam lingkungan anggaran pertumbuhan ini. Pada tahun 2024 pula, ekonomi negara dijangka mencatatkan pertumbuhan antara 4.0% hingga 5.0%, disokong oleh persekitaran luar yang semakin pulih dan jangkaan permintaan domestik yang lebih baik. Indikator awalan seperti *WSTS semiconductor sales*

menunjukkan kitaran teknologi akan meningkat semula dan berpotensi untuk memberi manfaat kepada eksport E&E Malaysia. Selain itu, keadaan pasaran buruh dijangka stabil. Tumpuan akan turut diberi untuk meningkatkan aktiviti pelaburan melalui pelaksanaan berterusan projek infrastruktur serta strategi dan inisiatif di bawah dasar utama Kerajaan.

4. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus memastikan ekonomi negara berkembang dan kesejahteraan rakyat akan terus diberi keutamaan dengan pelaksanaan strategi yang diumumkan di bawah Bajet 2024, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Keutamaan Kerajaan pada masa ini adalah untuk merancakkan semula pertumbuhan ekonomi negara bagi mengembangkan saiz dan mengembalikan ekonomi ke landasan yang sebenarnya. Ekonomi akan distruktur semula bagi mempercepatkan peralihan ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia.
5. Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam KSP RMKe-12 adalah melaksanakan 17 Anjakan Besar, termasuk GHGV peralihan tenaga, teknologi dan digital, E&E bernilai tinggi, pertanian dan asas tani serta nadir bumi. Selain itu, Anjakan Besar juga dilaksanakan untuk memperkasa PMKS dan perusahaan sosial, memperkuuh jaringan pengangkutan awam dan memastikan ketersediaan bakat masa hadapan. Tumpuan akan turut diberi untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dalam industri berdasarkan teknologi bagi merangsang pertumbuhan sektor dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.